

Pertandingan Pakaian Beragam(Kerjaya) Karnival Pendidikan Kerjaya Sekolah Rendah

Peraturan dan syarat pertandingan :

1. Setiap penyertaan akan dikenakan yuran sebanyak RM
2. Terbuka kepada kanak-kanak warganegara Malaysia berusia 7-12 tahun dan bersekolah di Daerah Kinta Utara sahaja.
3. Peralatan dan pakaian adalah tanggungan peserta sendiri. Peserta boleh menggunakan CD muzik sendiri untuk persembahan iringan.
4. Pakaian mestilah bertemakan KERJAYA. Iaitu pekerjaan-pekerjaan yang terdapat di Malaysia.
5. Kreativiti yang dipakai dan cara untuk memperagakan juga diambilkira dalam pemarkahan. Peserta juga perlu melakonkan secara ringkas watak pekerjaan yang dipilih. Props adalah dibenarkan.
6. Juri berhak memotong markah mana-mana peserta yang bertanding yang tidak mengikut tema yang ditetapkan.
7. Pertandingan akan berlangsung tepat jam 8.30 pg di Pekarangan dewan FRU. Peserta diminta hadir 20 minit lebih awal untuk tujuan pendaftaran. Masa 3 minit diberikan untuk setiap persembahan.
8. Pihak penganjur tidak bertanggungjawab keatas sebarang kecederaan atau kemalangan sebelum, semasa dan selepas pertandingan.
9. *Hadiah yang disediakan:

Tempat Pertama Hadiah Bernilai	RM100.00
Tempat Kedua Hadiah Bernilai	RM75.00
Tempat Ketiga Hadiah Bernilai	RM50.00
5 Saguhati Terbaik Hadiah Bernilai	RM15.00
10. Keputusan juri adalah MUKTAMAD dan sebarang bantahan tidak akan dilayan.
11. Tarikh tutup penyertaan adalah pada 22 Ogos 2013

12. Penyertaan adalah terhad kepada 60 orang peserta sahaja. "Siapa cepat dia dapat"
13. Setiap sekolah hanya boleh menghantar satu penyertaan sahaja.
14. Peserta Lelaki tidak dibenarkan sama sekali memakai pakaian pekerjaan wanita dan sebaliknya.
15. Pakaian mestilah yang tidak menjolok mata.
16. Markah bonus akan diberikan kepada peserta yang mempunyai kreativiti pakaian yang menarik. Sebagai contoh pakaian yang dibuat daripada hasil kitar semula, namun perlu mengikut tema kerjaya.